

Headline	40,000 kakitangan kerajaan belum dapat imbuhan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	2	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	139 cm ²
Journalist	IKHWAN HAZWAN HAMIDUN	AdValue	RM 1,209
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,627



40,000 kakitangan kerajaan belum dapat imbuhan

IKHWAN HAZWAN HAMIDUN

KUALA LUMPUR – Kira-kira 40,000 kakitangan di bawah tujuh agensi Kesatuan Sekerja Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS) belum menerima sepenuhnya empat manfaat yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 25 Mac tahun lalu.

Pengumuman itu melibatkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan Skim Dana Pencen, Imbuhan Tetap Perumahan, Saguhati Tamat Perkhidmatan dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) majikan yang diselaraskan untuk semua agensi.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Azih Muda (**gambar**) berkata, pihaknya kesal dan kecewa dengan situasi yang sudah hampir setahun dan masih belum

dapat diselesaikan sepenuhnya.

Menurutnya, permasalahan ini jelas menunjukkan kerenah birokrasi yang berlaku di peringkat pengurusan tertinggi ketujuh-tujuh agensi berkenaan yang akhirnya membebankan kakitangan mereka sendiri.

“Sebagai contoh, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) masih lagi belum menyelesaikan isu keempat-empat manfaat tersebut sehingga hari ini.

“Ia jelas menunjukkan pihak pengurusan agensi terlibat ingkar dan tidak mematuhi pengumuman Perdana Menteri dan sekiranya perkara ini tidak dapat diselesaikan pada 25 Mac depan,

CEUPACS akan mengadakan perhimpunan besar-besaran pada tarikh yang akan diberitahu kelak bagi menyelesaikan isu ini,” katanya kepada *Kosmo!* selepas mengadakan pertemuan dengan kesemua wakil BBDS di Wisma Per-

keso, Jalan Ampang di sini semalam.

Ketujuh-tujuh agensi yang terlibat dalam BBDS ialah Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT),

Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Perhebat, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

